

Bil. S 36

PERINTAH TEMBAKAU, 2005

**PERATURAN-PERATURAN TEMBAKAU
(PELESENAN PENGIMPOR, PEMBORONG DAN PENIAGA RUNCIT), 2007**

SUSUNAN PERATURAN-PERATURAN

Peraturan

1. Gelaran dan permulaan kuatkuasa.
2. Tafsiran.
3. Larangan untuk mengimport dll. produk tembakau oleh pengimport atau pemborong tanpa lesen.
4. Larangan untuk menjual produk tembakau oleh peniaga runcit tanpa lesen.
5. Permohonan untuk mendapatkan lesen.
6. Syarat-syarat lesen.
7. Pembaharuan lesen.
8. Penggantian lesen.
9. Perubahan butir-butir.
10. Pembatalan dan penggantungan lesen.
11. Pembatalan lesen.
12. Larangan untuk memindah, menyerah hak atau melupuskan lesen.
13. Daftar lesen.
14. Pemberian maklumat oleh pemegang lesen import dan borong.
15. Penahanan dan penarikan balik produk tembakau oleh pemegang lesen import dan borong.
16. Hukuman.

PERINTAH TEMBAKAU, 2005

PERATURAN-PERATURAN TEMBAKAU
(PELESENAN PENGIMPORT, PEMBORONG DAN PENIAGA RUNCIT), 2007

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberikan oleh bab-bab 12 dan 36 dari Perintah Tembakau, 2005, maka Menteri Kesihatan, dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, dengan ini membuat Peraturan-Peraturan yang berikut —

Gelaran dan permulaan kuatkuasa.

1. Peraturan-Peraturan ini boleh digelar sebagai Peraturan-Peraturan Tembakau (Pelesenan Pengimport, Pemborong dan Peniaga Runcit), 2007 dan hendaklah mula berjalan kuatkuasanya pada tarikh yang sama dengan Perintah Tembakau, 2005.

Tafsiran.

2. Dalam Peraturan-Peraturan ini, melainkan jika maksudnya berkehendakkan makna yang lain —

"bekas", berkenaan dengan rokok, bermakna kotak, tin, paket atau wadah lain, tetapi tidak termasuk apa-apa pembalut luar, selofan atau bahan lut sinar lain;

"lesen import dan borong" bermakna suatu lesen yang disebut dalam peraturan 3;

"lesen" bermakna suatu lesen import dan borong atau suatu lesen runcit yang diberikan di bawah Peraturan-Peraturan ini;

"lesen runcit" bermakna suatu lesen yang disebut dalam peraturan 4;

"saluran runcit" bermakna mana-mana kedai, kios, papan pameran, gerai atau kaunter yang menawarkan untuk jualan apa-apa barang secara runcit kepada pelanggan-pelanggan untuk kegunaan atau pengambilan mereka sendiri sahaja.

Larangan untuk mengimport dll. produk tembakau oleh pengimport atau pemborong tanpa lesen.

3. Tiada sesiapa pun boleh —

- (a) mengimport;
- (b) mengedar secara borong;
- (c) menjual atau menawarkan untuk jualan secara borong;
- (d) membenarkan untuk dijual atau menawarkan untuk jualan secara borong; atau
- (e) ada dalam milikannya untuk jualan secara borong,

sebarang produk tembakau melainkan jika dia adalah pemegang suatu lesen import dan borong.

Larangan untuk menjual produk tembakau oleh peniaga runcit tanpa lesen.

4. Tiada sesiapa pun boleh —

- (a) mengedar secara runcit;
- (b) menjual atau menawarkan untuk jualan secara runcit;
- (c) membenarkan untuk dijual atau menawarkan untuk jualan secara runcit; atau
- (d) ada dalam milikannya untuk jualan secara runcit,

sebarang produk tembakau melainkan jika dia adalah pemegang suatu lesen runcit berkaitan dengan saluran runcit.

Permohonan untuk mendapatkan lesen.

5. (1) Permohonan untuk mendapatkan suatu lesen hendaklah dibuat kepada Ketua Pengarah secara bertulis dalam borang sebagaimana yang mungkin ditentukan oleh Ketua Pengarah.

(2) Permohonan yang berasingan untuk mendapatkan suatu lesen runcit hendaklah dibuat oleh pemohon bagi setiap saluran runcit di mana dia bercadang hendak menjalankan sebarang aktiviti yang disebut dalam peraturan 4.

Syarat-syarat lesen.

6. (1) Ketua Pengarah boleh memberikan suatu lesen dalam borang dan atas syarat-syarat sebagaimana yang mungkin ditentukan olehnya.

(2) Bayaran yang kena dibayar bagi pemberian atau pembaharuan suatu lesen adalah —

(a) \$2,500 setahun bagi suatu lesen import dan borong; dan

(b) \$300 setahun bagi suatu lesen runcit.

(3) Suatu lesen yang diberikan di bawah peraturan ini adalah sah bagi tempoh selama satu tahun mulai dari tarikh sebagaimana yang mungkin ditentukan oleh Ketua Pengarah dalam lesen itu.

(4) Pemegang suatu lesen import dan borong tidak boleh, secara borong, mengedar, menjual atau menawarkan untuk jualan, membenarkan untuk dijual atau menawarkan untuk jualan atau ada dalam milikannya untuk jualan sebarang produk tembakau kepada mana-mana orang selain daripada pemegang suatu lesen import dan borong atau pemegang suatu lesen runcit.

(5) Pemegang suatu lesen runcit tidak boleh —

(a) mengedar secara runcit, menjual atau menawarkan untuk jualan secara runcit, membenarkan untuk dijual atau menawarkan untuk jualan secara runcit atau ada dalam milikannya untuk jualan secara runcit sebarang rokok yang dikeluarkan dari bekasnya; atau

(b) menyebabkan atau membenarkan mana-mana orang yang berumur 18 tahun ke bawah untuk mengedar secara runcit, menjual atau menawarkan untuk jualan secara runcit, membenarkan untuk dijual atau menawarkan untuk jualan secara runcit atau memiliki untuk jualan secara runcit sebarang produk tembakau di saluran runcit yang berkaitan dengannya lesen itu telah diberikan.

(6) Pemegang suatu lesen tidak boleh menyimpan atau meletakkan atau menyebabkan untuk disimpan atau diletakkan sebarang produk tembakau di mana-mana premis selain dari premis yang dinyatakan dalam lesen itu.

(7) Pemegang suatu lesen tidak boleh menggunakan lesennya bagi sebarang tujuan iklan.

Pembaharuan lesen.

7. (1) Pemegang suatu lesen boleh, sebelum lesen itu tamat tempohnya, membuat suatu permohonan kepada Ketua Pengarah, dalam borang sebagaimana yang mungkin ditentukan oleh Ketua Pengarah, untuk membaharui lesen itu.

(2) Ketua Pengarah boleh membaharui suatu lesen bagi tempoh selama satu tahun mulai dari tarikh lesen itu tamat tempohnya atas syarat-syarat sebagaimana yang mungkin ditentukan olehnya.

Penggantian lesen.

8. (1) Pemegang suatu lesen boleh membuat permohonan kepada Ketua Pengarah untuk mendapatkan satu salinan lesen bagi menggantikan suatu lesen yang telah hilang atau rosak.

(2) Bayaran yang kena dibayar apabila salinan lesen itu dikeluarkan adalah —

(a) \$100 bagi suatu lesen import dan borong;

(b) \$40 bagi suatu lesen runcit.

Perubahan butir-butir.

9. (1) Pemegang suatu lesen hendaklah memberitahu Ketua Pengarah secara bertulis tentang sebarang perubahan dalam butir-butir yang terkandung dalam lesennya atau permohonan untuk mendapatkan suatu lesen tidak lewat dari 3 hari setelah perubahan itu dibuat.

(2) Jika perubahan dalam butir-butir di bawah peraturan kecil (1) menghendaki pengeluaran semula suatu lesen yang memasukkan perubahan tersebut, bayaran yang kena dibayar bagi pengeluaran semula lesen itu adalah —

(a) \$100 bagi suatu lesen import dan borong;

(b) \$40 bagi suatu lesen runcit.

Pembatalan dan penggantungan lesen.

10. (1) Ketua Pengarah boleh, jika dia berpuas hati bahawa pemegang suatu lesen melanggar sebarang syarat yang terkandung dalam lesen itu atau sebarang peruntukan Perintah itu atau Peraturan-Peraturan ini, membatalkan atau menggantung lesennya.

(2) Ketua Pengarah hendaklah memberitahu pemegang lesen itu secara bertulis tentang pembatalan atau penggantungan lesennya dengan pos berdaftar atau dengan cara lain sebagaimana yang mungkin ditentukan olehnya.

(3) Tarikh kuatkuasa pembatalan atau penggantungan lesen itu adalah —

(a) jika suatu tarikh dinyatakan dalam notis bertulis yang disebut dalam peraturan kecil (2) sebagai tarikh kuatkuasa pembatalan atau penggantungan, tarikh itu; atau

(b) jika tiada tarikh dinyatakan dalam notis bertulis tersebut sebagai tarikh kuatkuasa pembatalan atau penggantungan, tarikh apabila pemegang lesen itu menerima notis bertulis tersebut.

(4) Pemegang lesen itu hendaklah menyerahkannya kepada Ketua Pengarah dalam masa 7 hari dari tarikh kuatkuasa pembatalan atau penggantungan.

Pembatalan lesen.

11. (1) Ketua Pengarah boleh membatalkan suatu lesen jika —

(a) dalam hal suatu lesen import dan borong, pemegang lesen itu berhenti menjalankan semua aktiviti yang dibenarkan oleh lesen itu; atau

(b) dalam hal suatu lesen runcit, pemegang lesen itu berhenti menjalankan semua aktiviti yang dibenarkan oleh lesen itu di saluran runcit yang berkaitan dengannya lesen itu diberikan.

(2) Jika suatu lesen dibatalkan di bawah peraturan kecil (1), Ketua Pengarah boleh, jika dia menganggapnya bersesuaian, membayar balik mana-mana bahagian bayaran yang telah dibayar di bawah Peraturan-Peraturan ini berkaitan dengan lesen itu.

Larangan untuk memindah, menyerah hak atau melupuskan lesen.

12. Pemegang suatu lesen tidak boleh memindah, menyerah hak atau pun selainnya melupuskan lesennya.

Daftar lesen.

13. (1) Ketua Pengarah hendaklah menyelenggara suatu daftar yang di dalamnya dia akan memasukkan butir-butir setiap lesen.

(2) Daftar itu hendaklah dalam borang sebagaimana yang mungkin ditentukan oleh Ketua Pengarah dan hendaklah sentiasa dikemaskinikan.

Pemberian maklumat oleh pemegang lesen import dan borong.

14. (1) Pemegang suatu lesen import dan borong hendaklah mengarahkan untuk dihantar kepada Ketua Pengarah, dalam masa yang munasabah sebagaimana yang mungkin dikehendaki oleh Ketua Pengarah —

(a) keputusan ujian daripada sesebuah makmal yang ditetapkan oleh Ketua Pengarah, ke atas tar, nikotina dan bahan-bahan lain yang terkandung di dalam atau dikeluarkan dari suatu contoh produk tembakau yang dikonsaikan sebagaimana mungkin ditentukan oleh Ketua Pengarah;

(b) maklumat mengenai pengimportan, penjualan atau pembekalan sebarang produk tembakau yang diselenggarakan di bawah kuasa lesennya dan pengendalian yang dijalankan berkenaan dengan aktiviti-aktiviti itu.

(2) Pemegang suatu lesen import dan borong hendaklah —

(a) menyimpan maklumat yang disebut dalam peraturan kecil (1) di pejabat berdaftarnya atau tempat perniagaannya yang utama sekurang-sekurangnya selama 2 tahun dari tarikh terakhir ia dimasukkan; dan

(b) memastikan bahawa maklumat itu pada setiap masa tersedia untuk diperiksa oleh Ketua Pengarah atau seseorang pegawai yang diberi kuasa.

Penahanan dan penarikan balik produk tembakau oleh pemegang lesen import dan borong.

15. Apabila pemegang suatu lesen import dan borong telah diberitahu oleh Ketua Pengarah bahawa sebarang pengkonsainan produk tembakaunya telah didapati sebagai berbahaya atau tidak selamat, maka dia hendaklah, jika diarahkan demikian oleh Ketua Pengarah —

(a) menahan pengkonsainan produk tembakau itu dari diedarkan secara borong, dijual atau ditawarkan untuk jualan secara borong, setakat mana yang boleh dengan munasabah, bagi suatu tempoh sebagaimana yang mungkin ditentukan oleh Ketua Pengarah; dan

(b) menarik balik pengkonsainan produk tembakau itu dari pasaran dengan serta-merta.

Hukuman.

16. Mana-mana orang yang melanggar peraturan 6(4), (5), (6) atau (7), peraturan 9(1), peraturan 10(4), peraturan 12, peraturan 14(1) atau (2) atau peraturan 15 adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi dari \$2,000, dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi dari 6 bulan atau kedua-duanya sekali.

Diperbuat pada hari ini 13 haribulan Rejab, Tahun Hijrah 1428 bersamaan dengan 28 haribulan Julai, 2007.

PEHIN ORANG KAYA INDERA PAHLAWAN
DATO SERI SETIA HAJI AWANG SUYOI BIN HAJI OSMAN
Menteri Kesihatan,
Negara Brunei Darussalam.